

BAB DUA

KONSEP HAFAZAN AL-QURAN DALAM ISLAM

2.1 PENGENALAN

Al-Quran diturunkan oleh Allah SWT melalui perantaraan malaikat Jibril a.s kepada Nabi Muhammad SAW.¹ al-Quran merupakan sumber perundangan Islam yang pertama. Di dalam al-Quran mengandung pelbagai jenis ilmu yang sangat berguna untuk dimanfaatkan di dalam kehidupan dunia dan juga akhirat. Di dalam kitab *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, Imām al-Zarkasyī menyatakan: al-Quran mengandung ilmu bahasa, *Naḥw*, *Taṣrif*, *Ilmu Bayān*, *Uṣūl Fiqh*, *Qira'āt*, *Asbāb al-Nuzūl*, serta *Nāsikh wa Mansukh*.² Firman Allah yang berbunyi:

وَلَا يَأْتُونَكَ بِمَثَلٍ إِلَّا جِئْنَاكَ بِالْحَقِّ وَأَحْسَنَ تَفْسِيرًا ﴿٢٥﴾

Surah al-Furqan (25) :33

Maksudnya:

“Tidaklah orang-orang kafir itu datang kepadamu (membawa) sesuatu yang ganjil, melainkan Kami datangkan kepadamu suatu yang benar dan yang paling baik penjelasannya”.

¹ Al-Doktor Muḥammad al-Bāḥī (1976), *Naḥw al-Qurān*, c.1, t.t.p: Maktabah Wabbah, h. mukaddimah. Lihat juga Al-Doktor Maḥmud Sālim 'Abidāt (1990), *Dirāsāt fī 'Ulūm al-Qurān*, c.1, Jordan: Dār 'Ammār, h. 11, Al-Marḥūm Muḥammad al-Zafzāf (1979), *al-Ta'rif bi al-Qurān wa al-Hadīth*, c.3, Beirut: Maktabah al-Falāh, h. 73, Hj Said Ibrahim (1991), *Mengenal al-Quran*, c. 2, Selangor: Media Hasda, h. 7.

² Badr al-Dīn Muḥammad bin 'Abd Allah al-Zarkasyī (2001), *al-Burhān fī 'Ulūm al-Qurān*, j.1, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h.33. Lihat juga, Muḥammad Fāruq al-Nabḥān (1995), *Muqaddimah fī al-Dirāsāt al-Qurāniyyah*, Maghrib: Maṭba'ah Faḍālah, hal. 94.

2.2 PENGHAFALAN AL-QURAN

Di dalam al-Quran terdapat ayat yang menyeru kepada penghayatan terhadap al-Quran.³ Firman Allah SWT:

أَفَلَا يَتَذَكَّرُونَ الْقُرْآنَ أَمْ عَلَى قُلُوبٍ أَقْفَالُهَا

Surah Muhammad (47) : 24

Maksudnya:

“Maka apakah mereka tidak memperhatikan al-Quran atau hati mereka terkunci?”

Firman Allah SWT dalam ayat yang lain:

كُتِبَ أَنْزَلْنَاهُ إِلَيْكَ مُبْرَكٌ لِيَدَّبَّرُوا آيَاتِهِ وَلِيَتَذَكَّرَ أُولُو الْأَلْبَابِ

Surah al-Sad (38) : 29

Maksudnya:

“Ini adalah sebuah kitab yang Kami turunkan kepadamu penuh dengan berkah supaya mereka memperhatikan ayat-ayatnya dan supaya mendapat pelajaran orang-orang yang mempunyai fikiran.”

Umat Islam terkenal sebagai umat yang sentiasa peka dalam usaha memelihara kesucian al-Quran al-Karim. Usaha ini dilakukan dalam pelbagai bentuk termasuklah melalui penghafalan al-Quran secara kalimah demi kalimah dan huruf demi huruf.⁴ Ia merupakan salah satu usaha untuk menjamin terlaksananya

³ Yusuf al-Qardāwi (t.t), *al-Murāji'iyah al-'Ulyā fī al-Islām li Qurān wa al-Sunnah*, Kaherah: Maktabah Wahbah, h.22.

⁴ Syaykh Muḥammad al-Habasyi (1987) *Kayf Tahfaz al-Qurān*, Beirut: Dār al-Khayr, h. 131.

sebahagian sunah-sunah Rasulullah s.a.w dan tidak mungkin dapat dilakukan tanpa melalui proses penghafalan al-Quran.⁵

Kebiasaannya di Malaysia istilah hafiz diberikan kepada mereka yang menghafal seluruh al-Quran, namun sebenarnya gelaran tersebut hanya layak diberikan kepada mereka yang menghafal hadis dengan bilangan yang banyak dan mengetahui kedudukannya samada ia sahih atau dhaif. Gelaran yang lebih sesuai adalah pendokong al-Quran atau "*ḥāmil al-Qur'ān*"⁶ Walau apa jua gelaran yang diberikan, tanggungjawab mereka adalah memelihara kesucian al-Quran yang telah dihafal. Imam Nawawi pernah menyatakan bahawa orang-orang yang mahir al-Quran itu ialah orang yang cukup matang penghafalannya sehingga ia mempunyai kelancaran dan senang membacanya di mana-mana sahaja mereka berada mereka dapat membaca dan mengulanginya.⁷ Firman Allah SWT yang berbunyi:

وَلَقَدْ يَسَّرْنَا الْقُرْآنَ لِلذِّكْرِ فَهَلْ مِنْ مُدَكِّرٍ

Surah al-Qamar (54): 17

Maksudnya:

“Dan sesungguhnya telah Kami mudahkan al-Quran untuk peringatan, maka adakah sesiapa yang mahu mengambil peringatan.”

⁵ Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *Panduan Bagi Hafiz-Hafizah & Qari-Qariah*, (t.pt): Penerbitan Darul Iman. h.16.

⁶ Pengertiannya yang masyhur bermaksud penghafal-penghafal yang dapat membaca al-Quran dalam kepala, baik daya ingatan dan dapat membaca ayat-ayat suci dengan jumlah yang banyak dalam jangka masa yang singkat. Keadaan ini amat berbeza dengan orang awam.

⁷ Abdullah al-Qari Hj Salleh (1979), *Keutamaan Penghafal dan Peminat al-Quran*, Kota Bharu: Pustaka ASA, h.32.

Hadith,

عَنْ عَلِيِّ بْنِ أَبِي طَالِبٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
يَقُولُ : مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَاسْتَظْهَرَهُ، فَأَحَلَّ حَالَهُ، وَحَرَّمَ حَرَامَهُ
أَدْخَلَهُ اللَّهُ بِهِ الْجَنَّةَ وَشَفَّعَهُ فِي عَشْرَةِ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ وَجَبَتْ لَهُ
النَّارُ

Maksudnya:

*“Sesiapa yang membaca al-Quran dan kemudian dihafalnya, kemudian ia menghalalkan yang diharamkan oleh al-Quran dan mengharamkan yang diharamkannya oleh al-Quran nescaya, ia akan dimasukkan oleh Allah SWT dengannya ke syurga serta boleh memberi syafaat sepuluh orang dari ahli keluarganya yang kesemuanya wajib masuk neraka.”*⁸

Sesungguhnya sesiapa membaca, menghafal serta beramal dengan al-Quran maka al-Quran akan memberi kekuatan serta dorongan kepada seseorang mukmin bagi menghalalkan yang halal dan mengharamkan yang diharamkan oleh al-Quran.

2.3 HUKUM DAN KEPENTINGAN MENGHAFAL AL-QURAN

Menghafal⁹ adalah suatu perkara yang mulia. Penghafalnya mendapat kedudukan yang istimewa di sisi Allah SWT. Ulama terbilang kebanyakannya adalah

⁸ Al-Imām al-Ḥafiz Abī ‘Isa Mūḥammad bin ‘Isa bin Surah al-Tirmidhi (1975), *al-Jāmi‘al-Ṣaḥiḥ wa huwa Sunan al-Tirmidhi*, j.4, Madinah: Maṭba‘ah, al-Fajjalah al-Jadidah, no. hadith 3069, h. 345.

⁹ Maksud menghafal ialah menghafaz sesuatu yang dipelajari, mengasah ingatan melalui hafazan, mengekalkan ingatan, mengingati yang dihafaz daripada lupa, memelihara hafazan lupa, mengawal keaslian dari sudut susunan, mengawal dari sudut tulisan, sudut bacaan, memelihara dari sebarang dari penyelewengan, mencerdaskan otak dan minda dan menjaga keaslian dari ditambah atau dibuang.

mereka yang menguasai al-Quran dan al-Sunnah dan inilah rahsia mereka menjadi umat yang hebat.¹⁰

Menghafal seluruh al-Quran bukan menjadi wajib (fardu ain) kepada setiap muslim,¹¹ walau bagaimanapun para ulama' telah mengeluarkan hukum bahawa menghafal al-Quran menjadi fardu kifayah agar keaslian dan kesucian al-Quran sentiasa terpelihara. Ia menjadi suatu keperluan kepada umat Islam sepanjang zaman.¹²

Hukum ini juga dikuatkan oleh al-Imām 'Abbas bin Mūḥammad al-Jurjani, manakala al-Imām al-Syāykh Mūḥammad Makki Nāsir juga sependapat dengan menyatakan:

إِنَّ حِفْظَ الْقُرْآنِ عَنْ ظَهْرٍ قَلْبٍ فَرَضٌ كِفَايَةٌ

Maksudnya:

“Sesungguhnya memelihara al-Quran dengan kesungguhan hati hukumnya fardhu kifayah.”

Pernyataan al-Imām al-Syāykh Mūḥammad Makki Nāsir diatas adalah didorong kepada kepentingan menghafal al-Quran dikalangan umat Islam untuk

¹⁰ Zulkifli Ali (ustaz) (2003), *Kaedah-kaedah menghafal al-Quran, Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*. Anjuran Fakulti Pengajian Quran & Sunnah KUIM. 17 Mei. h.2.

¹¹ Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op.cit.*, h. 46.

¹² Zulkifli Ali (ustaz) (2003), *Kaedah-kaedah menghafal al-Quran, Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan*.Anjuran Fakulti Pengajian Quran& Sunnah KUIM. 17 Mei. h.1.

melahirkan insan rabbani dikalangan masyarakat meskipun hanya diwakili oleh seseorang individu mukmin.

Menurut al-Imām Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī pula ialah al-Quran adalah kalamullah yang diturunkan kepada Nabi Muhammad SAW untuk melemahkan orang-orang yang menentangnya sekalipun dengan surah pendek, membacanya termasuk ibadah.”¹³

Dasar bagi orang yang ingin menghafal al-Quran boleh disimpulkan sebagai berikut:

1. Al-Quran sememangnya diturunkan dalam bentuk hafalan.
2. Mengikut sunnah Rasulullah SAW dan melaksanakan anjuran Rasulullah SAW.
3. Untuk kepentingan umat Islam keseluruhannya.
4. Untuk menjaga al-Quran daripada kesilapan percetakan atau penyelewengan.

2.4 ADAB-ADAB PENDOKONG AL-QURAN (*ḤAMIL AL-QURAN*)¹⁴

Al-Imām Yahyā bin Syaraf al-Dīn al-Nawāwī di dalam kitabnya *al-Tibyān fī*

Adāb Ḥamālah al-Qur'ān menyatakan antara adab-adab seseorang pendokong al-

¹³ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī, (t.t), *al-Itqan fī Ulum al-Quran*, Beirut : Dar al-Fikr, h.51-52.

¹⁴ Selain adab-adab bagi penghafal al-Quran, terdapat kaedah-kaedah tertentu dalam menghafaz al-Quran. Lihat, Al-Syaykh Syarif Kamāl Azib (2001), *Kayf Taqrā' al-Qurān al-Karim*, c.1, Kaherah: Dār al-Taqwā.

Quran (*hamil al-Quran*) atau bagi mereka yang ingin membaca seterusnya menghafal al-Quran iaitu:

- 1- Bersugi setiap kali ingin membaca al-Quran
- 2- Membaca al-Quran ketika dalam keadaan suci
- 3- Memilih tempat yang sesuai untuk membaca
- 4- Mengarah ke kiblat ketika membaca
- 5- Membaca *isti'azah* pada awal pembacaan
- 6- Khusyuk ketika membaca al-Quran¹⁵
- 7- Suci dari hadas besar dan kecil
- 8- Bersih pakaian dan tempat.
- 9- Menghindari makanan syubhat.
- 10- Menutup aurat.
- 11- Duduk dalam keadaan *iftirāsy*.
- 12- Meninggikan al-Quran hingga ke paras dada.
- 13- Memastikan hati dalam keadaan ikhlas.
- 14- Memiliki al-Quran Mushaf Uthmani dan berkekalan menggunakannya.
- 15- Menunaikan solat subuh pada awal waktu.
- 16- Sentiasa mengamalkan solat tahajjud.
- 17- Yakin dengan rahmat Allah terhadap orang yang menghafal al-Quran
- 18- Memilih tempat yang sunyi.¹⁶

¹⁵ Al-Imām Yahyā bin Syaraf al-Dīn al-Nawāwī (1984), *al-Tibyān fī Adāb Ḥamālah al-Qurān*, c.1, Beirut: Dār al-Nafāis, h. 53-61. Lihat juga, Imām Nawāwī (1999), *Tata-tertib Pengajian al-Quran*, terj. Syed Ahmad Semait, c.1, Singapura: Pustaka Nasional PTE LTD, h. 93-113.

¹⁶ Adnan Yusop, Zainul Arifien Md Jaid (2003), *Kaedah Pengajaran Hafazan al-Quran dalam Pelaksana Kelas Khas Kemahiran al-Quran di SMKA*. Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran

- 19- Mengurangkan makan.
- 20- Menjauhi daripada memakan makanan yang tidak halal.
- 21- Menjauhi segala perkara yang syubhat.¹⁷

Adab semasa menghafaz al-Quran:

- 1- Memulakan hafalan dengan ta'awuz
- 2- Membaca doa tertentu
- 3- Membaca dengan penuh khusyuk.
- 4- Tahu surah-surah yang akan dihafal.
- 5- Melancarkan bacaan terlebih dahulu.
- 6- Memastikan tiada kesalahan pada baris, wakaf dan ibtida', sifat huruf, menepati makhraj serta hukum tajwid yang lain.
- 7- Membaca setiap halaman dalam masa lima atau enam minit.
- 8- Memulakan hafazan setelah bacaan lancar.
- 9- Memilih masa yang tenang.
- 10- Memperelokkan suara dalam bacaan
- 11- Menghafaz dengan memahami maknanya.
- 12- Mengulang-ulang bacaan
- 13- Rehat seketika setelah penat.

dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Anjuran Fakulti Pengajian Quran & Sunnah KUIM. 17 Mei. h 8-9.

¹⁷ Misnan Jemali, Ahmad Sadadi Hafidz, (2003) *Hubungan Antara Kaedah Menghafaz Al-Quran dengan Pencapaian Kursus Tahfiz Wal al-Qiraat Pelajar Semester Empat dan Lima di Maahad Tahfiz Wa al-Qiraat di Perak*. Kertas Kerja Seminar Kaedah Pengajaran dan Tahfiz al-Quran Peringkat Kebangsaan. Anjuran Fakulti Pengajian Quran & Sunnah KUIM. 17 Mei. h 4.

Adab setelah menghafaz al-Quran:

- 1-Memperdengar hafalan kepada guru dan orang lain.
- 2-Sentiasa mengulang ayat yang telah dihafaz.
- 3-Membaca ayat-ayat tersebut ketika solat.
- 4-Sentiasa mematuhi perintah Allah dan menjauhi perbuatan maksiat.¹⁸

Rasulullah SAW menyatakan adab-adab yang perlu diamalkan oleh pendokong al-Quran. Sabda baginda yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : " يَنْبَغِي لِحَامِلِ الْقُرْآنِ أَنْ يَعْرِفَ بَلِيلَهُ إِذَا النَّاسُ يَنَامُونَ وَبَنَهَارِهِ إِذَا النَّاسُ يُفْرَطُونَ وَبِحُزْنِهِ إِذَا النَّاسُ يَفْرَحُونَ وَبِبُكَائِهِ إِذَا النَّاسُ يَضْحَكُونَ وَبِصُمْتِهِ إِذَا النَّاسُ يَخُوضُونَ وَبِخُشُوعِهِ إِذَا النَّاسُ يَخْلَطُونَ. "

Maksudnya:

Berkata Abdullah bin Mas'ud, Rasulullah SAW telah bersabda: "Hendaklah dikenali orang menghafal (memelihara) al-Quran dengan menghidupkan malamnya dengan membaca al-Quran sedangkan orang-orang lain sedang tidur dan di siang harinya dia berpuasa disaat orang lain sibuk berbuka (tidak berpuasa). Dia dikenali dalam kesedihan ketika orang-orang sentiasa bergembira, menangis ketika orang ketawa, berdiam diri ketika orang berbicara dan menampakkan kekhusyukkannya pada al-Quran yang dihafal ketika orang lain membanggakan diri."

¹⁸ Adnan Yusop, Zainul Arifien Md Jaid (2003), *op-cit*, h 9.

Sewajarnya bagi seorang penghafal al-Quran hendaklah dia, dikenali di waktu malamnya apabila manusia sedang nyenyak tidur, dan di waktu paginya dikenali manusia sedang tidak berpuasa, dan kesedihannya dikenali apabila manusia sedang bergembira, dan dikenali dengan tangisannya apabila manusia sedang berketawa, dan dikenali diamnya apabila manusia sedang sibuk berbicara, dan dikenali khusyuknya apabila manusia membangga diri.

2.5 KEUTAMAAN DAN KELEBIHAN MEMBACA DAN MENGHAFAL AL-QURAN

Membaca al-Quran adalah suatu amalan mulia apatah lagi sekiranya seseorang itu mampu menghafalnya. Allah SWT telah menjanjikan beberapa keistimewaan dan kelebihan kepada orang-orang yang membaca al-Quran. Firman Allah SWT dalam surah Fathir :

إِنَّ الَّذِينَ يَتْلُونَ كِتَابَ اللَّهِ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَنفَقُوا مِمَّا رَزَقْنَاهُمْ
سِرًّا وَعَلَانِيَةً يَرْجُونَ تَجْرَةً لَّن تَبُورَ ﴿٢٩﴾ لِيُؤْفِقَهُمُ أَجُورَهُمْ
وَيَزِيدَهُم مِّن فَضْلِهِ ۗ إِنَّهُ غَفُورٌ شَكُورٌ ﴿٣٠﴾

Surah al-Fathir (22): 29-30

Maksudnya:

29. “*Sesungguhnya orang-orang yang selalu membaca Kitab Allah dan tetap mendirikan sembahyang serta mendermakan dari apa yang Kami kurniakan kepada mereka, secara bersembunyi atau secara*

terbuka, mereka (dengan amalan yang demikian) mengharapkan sejenis perniagaan yang tidak akan mengalami kerugian;"

30. *"Supaya Allah menyempurnakan pahala mereka dan menambahi mereka dari limpah kurniaNya. Sesungguhnya Allah Maha Pengampun, lagi sentiasa membalas dengan sebaik-baiknya akan orang-orang yang bersyukur kepadaNya".*

Ayat al-Quran diatas memberi galakkan kepada mereka yang beriltizam membaca al-Quran, mendirikan solat, menunaikan zakat samada secara terang-terangan atau tersembunyi dianggap termasuk golongan mereka yang mengharapkan suatu perniagaan yang tidak akan rugi. Dalam ayat seterusnya Allah menjanjikan pahala yang sempurna dan menambah kurniaanNya bagi mereka yang memiliki ciri-ciri berkenaan.

Rasulullah SAW juga telah menjelaskan tentang keutamaan dan kelebihan orang yang membaca serta menghafal al-Quran. Di antaranya ialah mereka dianugerahkan keistimewaan menjadi ahli keluarga Allah SWT semasa di dunia. Sabda Rasulullah SAW:

عَنْ أَنَسِ بْنِ مَالِكٍ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ : " إِنَّ لِلَّهِ أَهْلِينَ مِنَ النَّاسِ . قَالُوا يَا رَسُولَ اللَّهِ مَنْ هُمْ ؟ قَالَ " هُمْ أَهْلُ الْقُرْآنِ أَهْلُ اللَّهِ وَخَاصَّتُهُ . "

Maksudnya:

Berkata Anas bin Malik, Rasulullah SAW bersabda : "Sesungguhnya Allah SWT mempunyai keluarga diantara manusia, para sahabat bertanya, "Siapakah mereka ya Rasulullah SAW? Baginda menjawab

*golongan al-Quran, merekalah golongan Allah SWT dan keistimewaanNya."*¹⁹

Hadis berkenaan menegaskan bagaimana Allah SWT memperjelaskan tentang keutamaan ahli al-Quran dan mereka yang menjadi kutamaan Allah SWT berbanding manusia lain.

Keistimewaan dan kelebihan para penghafal al-Quran bukan setakat diperolehi semasa di dunia malah juga diberi semasa di akhirat kelak. Hal ini dinyatakan melalui sebuah hadith yang berbunyi:

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو بْنِ الْعَاصِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ : يُقَالُ لِصَاحِبِ الْقُرْآنِ إِقْرَأْ وَارْتَقِ وَرَتِّلْ كَمَا كُنْتَ تَرْتِّلُ فِي الدُّنْيَا، فَإِنَّ مَنَزَلَتَكَ عِنْدَ آخِرِ آيَةٍ تَقْرُوهَا.

Maksudnya:

*"Daripada Abdullah bin 'Amru, Rasulullah SAW telah bersabda: Dikatakan kepada ahli Al-Quran (di akhirat), Bacalah Al-Quran dan silalah naik ke syurga serta tartillah bacaanmu sebagaimana engkau mentartilkannya semasa di dunia. Sesungguhnya kedudukan dan tempat tinggalmu (di syurga) adalah berdasarkan ayat akhir yang kamu baca."*²⁰

Hadis diatas menegaskan kepada ahli al-Quran, bahawa ia akan dihadapkan dimahkamah Allah SWT, kemudian diperintahkan untuk membaca sebagaimana al-Quran itu dibacanya didunia secara *tārtīl* (membaca dengan perlahan, bertajwid serta tadabbur). Kedudukan seseorang mukmin diakhirat kelak tergantung akhir ayat al-

¹⁹ Al-Hāfiẓ Abī Ābdūllāh Muḥammad bin Yazid al-Qazwiny(t.t), *Sunan Ibn Majah*, Beirūt: Isa al-Bābī al-Ḥalabi wa Syarkah, h. 78.

²⁰ *Ibid*, no.hadith. 3081, h. 250.

Quran yang dibacanya. Dengan ini al-Quran menggalakkan pengamalnya agar sentiasa beriltizam membaca al-Quran dengan penuh tatatertib kerana kedudukan seseorang itu diakhirat nanti tertakluk kepada ayat-ayat al-Quran yang terakhir dibacanya semasa didunia.

Para penghafal al-Quran juga akan mendapat syafaat daripada hafalannya di akhirat kelak. Disebut di dalam sebuah hadith yang berbunyi:

عَنْ أَبِي أُمَامَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ : قَالَ سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ : إِقْرَأُوا الْقُرْآنَ فَإِنَّهُ يَأْتِي يَوْمَ الْقِيَامَةِ شَفِيعًا لِأَصْحَابِهِ .

Maksudnya:

Daripada Abi Umamah ra, beliau berkata, aku mendengar Rasulullah SAW bersabda: "Bacalah al-Quran, sesungguhnya ia akan menjadi pemberi syafaat pada hari kiamat bagi para pembacanya."²¹

Nabi Muhammad SAW menjamin kepada pembaca al-Quran dengan memperolehi syafaat al-Quran kepada ahli-ahli al-Quran.

Mereka juga mendapat penghargaan daripada Allah SWT dan merupakan sebaik-baik manusia. Rasulullah SAW telah bersabda :

²¹ Imām Muhy al-Dīn al-Nawāwī (1994), *Ṣaḥiḥ Muslim bi Syarḥ al-Imām Muhy al-Dīn al-Nawāwī*, Beirut:Dār al-Ma'rifah, no. Hadith 1871. h. 330.

خَيْرُكُمْ مَنْ تَعَلَّمَ الْقُرْآنَ وَعَلَّمَهُ

Maksudnya:

*"Sebaik-baik manusia adalah orang yang belajar al-Quran dan mengajarkannya (kepada orang lain)."*²²

Di dalam hadis berkenaan suatu penegasan dari Nabi Muhammad SAW tentang dua golongan sebaik-baik dikalangan manusia, iaitu mereka yang mempelajari al-Quran serta mengajarkannya.

Para penghafal al-Quran juga diberi keistimewaan oleh Allah SWT dengan dapat memberi pertolongan kepada ahli keluarga mereka. Rasulullah SAW menyatakan dalam hadith baginda yang berbunyi:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَاسْتَظْهَرَهُ، فَأَحَلَّ حَالَهُ، وَحَرَّمَ حَرَامَهُ أَدْخَلَهُ اللَّهُ بِهِ الْجَنَّةَ وَشَفَعَهُ فِي عَشْرَةٍ مِنْ أَهْلِ بَيْتِهِ كُلُّهُمْ وَجَبَتْ لَهُ النَّارُ

Maksudnya:

*Siapa yang membaca al-Quran dan kemudian diamalkannya, ia akan menghalalkan apa yang halal dan mengharamkan apa yang haram, Allah akan memasukkannya ke dalam syurga dan dapat memberi pertolongan kepada sepuluh orang keluarganya yang sudah tentu masuk neraka.*²³

²² Al-Imām al-Ḥafīz Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī (t.t), *Faṭḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, Beirut:Dār al-Ma‘rifah, no. Hadith 5027, h.74. Kelebihan mempelajari al-Quran juga ada di sebut oleh Ibn Jauzi dan Imam Abi ‘Abid al-Qasim bin al-Salam di dalam kitab mereka. Lihat, Al-Imām Abī Abid al-Qāsīm bin Salām (1991), *Faḍāil al-Qur‘ān*, c. 1, Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah, h. 19, Ibn al-Jauzi (1986), *‘Ajāib ‘Ulūm al-Qur‘ān*, c.1, t.t.p: al-Zahrā’ lil I‘lām al-‘Arabī, h. 41.

²³ Abī ‘Isā Muḥammad bin ‘Isā bin Surah (1975),*op.cit*, no. hadith 2905, h.171.

Terdapat juga hadith yang menyatakan bahawa para penghafal al-Quran mendapat kedudukan yang istimewa. Hadith Rasulullah yang berbunyi:

الَّذِي يَقْرَأُ الْقُرْآنَ وَهُوَ مَاهِرٌ بِهِ مَعَ السَّفَرَةِ الْكِرَامِ الْبَرَّةِ

Maksudnya:

"Orang yang membaca al-Quran dan ia mahir maka ia bersama utusan-utusan yang terdiri daripada malaikat yang mulia dan patuh."²⁴

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، إِنَّ الرَّسُولَ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ كَانَ يَجْمَعُ بَيْنَ الرَّجُلَيْنِ مِنْ قَتْلَى أَحَدٍ فِي ثَوْبٍ وَاحِدٍ ثُمَّ يَقُولُ: أَيُّهُمَا أَكْثَرَ أَخْذًا لِلْقُرْآنِ فَإِذَا أُشِيرَ إِلَيَّ أَحَدَهُمَا قَدَّمَهُ فِي اللَّحْدِ قَالَ: أَنَا شَهِيدٌ عَلَى هَؤُلَاءِ

Maksudnya:

"Suatu ketika Rasulullah SAW mengumpul dua orang lelaki yang syahid dalam peperangan Uhud dalam satu pakaian, lalu Baginda bertanya:Siapakah di antara kedua-dua ini yang paling banyak menghafal al-Quran? Apabila ditunjukkan kepada baginda salah seorang dari mereka, maka Nabi akan mendahulukan pengkebumiannya lalu bersabda: Aku menjadi saksi terhadap mereka."²⁵

Rasulullah mengutamakan para sahabat yang hafiz di kalangan sahabat-sahabat yang lain. Baginda sendiri yang menguruskannya sehingga ke liang lahad kubur dengan mendahului para shuhada yang hafiz di kalangan para sahabatnya.²⁶

²⁴ *Ibid.*, no. hadith: 2904.

²⁵ Al-Imām al-Ḥafiz 'Abd al-Raḥman Aḥmad bin Shu'aib al-Nasāi (1930), *Sunan al-Nasāi bi Syarh al-Ḥafiz Jalāl al-Dīn al-Suyūṭi wa Hasyiyah al-Imām al-Sindi*, Beirut: Dār al-Fikr, j.4, kitab al-Janāiz, h. 62.

²⁶ Zulkifli Ali (ustaz) (2003), *op-cit*, h. 6.

Dalam hadits yang lain, Rasulullah SAW pernah membuat pengukuran terhadap keperibadian seseorang itu berdasarkan kuantiti hafalan al-Quran yang ada dalam dadanya. Ini dijelaskan oleh Rasulullah SAW dalam sebuah hadits yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas:

إِنَّ الَّذِي لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِّنَ الْقُرْآنِ كَالْبَيْتِ الْخَرَبِ

Maksudnya:

*"Seseorang yang tidak ada sebahagianpun al-Quran dalam hatinya adalah seumpama rumah yang ditinggalkan kosong."*²⁷

Ketika mengulas hadits ini, pengarang Syārḥ Riyādh al-Ṣolihīn mengatakan "Hadith ini menganjurkan kita supaya menghafal al-Quran dan selalu mempertahankannya, kerana dalam diri seorang hafiz al-Quran itu berkumpulnya barcha dan kenikmatan."

Sabda Rasulullah SAW:

لَا حَسَدَ إِلَّا فِي اثْنَتَيْنِ ، رَجُلٌ عَلَّمَهُ اللَّهُ الْقُرْآنَ ، فَهُوَ يَتْلُوهُ آتَاءَ اللَّيْلِ وَآتَاءَ النَّهَارِ ، فَسَمِعَهُ جَارٌ لَهُ فَقَالَ : لَيْتَنِي أُوتِيْتُ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فُلَانٌ فَعَمِلْتُ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ وَرَجُلٌ آتَاهُ اللَّهُ مَالًا فَهُوَ يَهْلِكُهُ فِي الْحَقِّ فَقَالَ : لَيْتَنِي أُوتِيْتُ مِثْلَ مَا أُوتِيَ فُلَانٌ فَعَمِلْتُحَ مِثْلَ مَا يَعْمَلُ

²⁷ Abu 'Isa Muḥammad bin 'Isa (1975), *Sunan al-Tirmidhi*, Mesir: Dār al-Turath, Hadith no. 2922, j.4, h. 419.

Maksudnya:

"Tidak dibenarkan berhasad dengki kecuali terhadap dua perkara iaitu lelaki yang dianugerahkan oleh Allah Azza Wajalla kepadanya al-Quran lalu dia membacanya malam dan siang, maka apabila jirannya mendengar bacaannya lalu berkata : "Alangkah baiknya sekiranya aku diberikan sepertimana yang diberikan kepada si fulan itu dan aku dapat membacanya sepertimana dia membaca", dan yang kedua ialah lelaki yang diberikan oleh Allah Azza Wajalla harta kekayaan dan dia membelanjakannya di jalan kebenaran, maka berkata seorang lelaki : "Alangkah baiknya sekiranya aku diberikan sepertimana yang diberikan kepada si fulan itu dan akan dapat membelanjakannya sepertimana dia membelanjakannya".²⁸

Sabda Rasulullah SAW:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ لَمْ يَرِدْ إِلَى أَرْدَلِ الْعُمْرِ، ذَلِكَ قَوْلُهُ تَعَالَى "ثُمَّ رَدَدْنَاهُ
أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا" قَالَ: الَّذِينَ قَرَأُوا الْقُرْآنَ

Maksudnya:

Sesiapa membaca al-Quran dia tidak akan nyanyuk, sambil merujuk kepada ayat al-Quran yang berbunyi : ثُمَّ رَدَدْنَاهُ أَسْفَلَ سَافِلِينَ إِلَّا الَّذِينَ آمَنُوا

Kata Ibn Abbas : الَّذِينَ آمَنُوا Yang dimaksudkan dengan ialah orang-orang yang membaca al-Quran"²⁹

Dalam sebuah hadith :

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: الْقُرْآنُ
شَافِعٌ مُشَفَّعٌ وَمَاحِلٌ مُصَدَّقٌ، مَنْ جَعَلَهُ أَمَامَهُ قَادَهُ إِلَى الْجَنَّةِ، وَمَنْ
جَعَلَهُ خَلْفَهُ سَاقَهُ إِلَى النَّارِ

²⁸ Al-Syāykh al-Imām al-'Allamah Badr al-Dīn Abī Muḥammad Maḥmūd bin Aḥmad al-'Ainy, 'Umdah al-Qāri' Syarh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī, Dār al-Fikr, j. 19, h. 42.

²⁹ Al-Imām al-Ḥafīz Abī Abdillāh al-Hakīm al-Nisāburi (1978), Al-Mustadrāk 'Alā al-Sohihayni, j.2, Beirut : Dār al-Fikr, h. 121.

Maksudnya:

Jabir r.a meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW bersabda: al-Quran adalah sebagai pemberi syafaat dimana syafaatnya diterima dan sebagai penghujjah yang mana hujahnya disokong. Sesiapa yang meletakkannya dihadapan, ia akan membawanya ke syurga, dan sesiapa yang meletakkannya di belakang, ia akan mencampakkannya ke neraka".³⁰

Rasulullah SAW bersabda:

مَنْ قَرَأَ الْقُرْآنَ وَتَعَلَّمَهُ وَعَمَلَ بِهِ أَلْبَسَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ تَاجًا مِنْ نُورٍ
ضَوْءُهُ مِثْلَ ضَوْءِ الشَّمْسِ، وَيَكْسَى وَالِدَاهُ حُلَّتَيْنِ لَا تَقُومُ بِهِمَا
الدُّنْيَا، فَيَقُولَانِ بِمَا كَسَيْنَا هَذَا؟ فَيُقَالُ: بِأَخْذِ وَكَلَدِ الْقُرْآنِ

Maksudnya :

"Sesiapa membaca al-Quran dan belajar serta beramal dengannya, dia akan dipakaikan pada Hari Kiamat dengan mahkota daripada cahaya yang mana cahayanya seterang dari cahaya matahari, dan kedua ibubapanya akan dipakaikan dengan dengan perhiasan yang tidak pernah mereka pakai di dunia. Maka mereka berdua bertanya : Dengan sebab apakah kami dipakaikan dengan perhiasan ini?. Mereka akan dikatakan: Dengan sebab amalan al-Quran oleh anakmu."³¹

Dalil di atas jelas menunjukkan bahawa keutamaan diberikan kepada mereka yang menghafal al-Quran berbeza dengan insan lain dan mengatakan kelebihan seseorang yang membaca al-Quran samada faham atau sebaliknya. Sekiranya mereka dapat menghafal, faham maksudnya dan mengamal ajarannya sudah pasti mereka mendapat martabat yang lebih tinggi.³² Ulama menyebut beberapa kelebihan yang lain antaranya ialah memantapkan ingatan dan minda. Oleh itu golongan hafiz ini

³⁰ Al-Imām al-Hafiz Abī Aḥmad 'Abd Allāh bin 'Adī al-Jarjāni (1985), *al-Kāmil Fī Du'afā' al-Rijāl*, Beirut: Dār al-Fikr, j. 3, h. 127.

³¹ Al-Imām al-Ḥāfiz Abī 'Abdillāh al-Hākīm al-Nisāburi, *op.cit.*, h. 568.

³² Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op.cit.*, h. 41.

mempunyai kekuatan ingatan yang tetap dan mantap, mempunyai ilmu yang luas, sering mendapat kejayaan yang cemerlang dalam pelajaran, jiwanya menjadi tenang. Petah bercakap dan sering dilatih dan menyebut huruf-huruf yang mulia ketika membaca al-Quran.³³

2.6 SEJARAH PENGHAFALAN DAN PENGUMPULAN AL-QURAN

Pengumpulan al-Quran mempunyai dua pengertian yang berbeza dan terhimpun dalam satu kalimah iaitu jam'ah.³⁴ Kalimah ini disebut dalam firman Allah SWT yang berbunyi :

إِنَّ عَلَيْنَا جَمْعَهُ وَقُرْآنَهُ

Surah al-Qiyamah (75): 17

Maksudnya:

Sesungguhnya atas tanggungan Kamilah mengumpulkannya dan membacanya.

Pengertian pertama bermaksud pengumpulan dalam bentuk hafalan, manakala pengertian yang kedua bermaksud mengumpul dalam bentuk penulisan. Pengumpulan al-Quran dalam bentuk hafalan bermaksud menyimpan dan mengingat ayat-ayat hafalan dengan kukuh di dalam dada. Bentuk pengumpulan ini telah dikurniakan oleh Allah SWT lebih dahulu kepada Nabi Muhammad SAW berbanding manusia lain. Beliau dikenali sebagai "*Sayyid al-Huffaz*" dan "*Awwal Jumma*" atau

³³ Abdul Mutalib Hussain (2002/2003) *Pengajian Tahfiz al-Quran : Satu Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Pinang*, Latihan Ilmiah Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, h. 23.

³⁴ Dr. Muḥammad Salim Abidāt (1990), *Dirāsāt fī 'Ulūm al-Qurān*, Amman: Dār Ammar, h. 117.

manusia pertama yang menghafal al-Quran. Hal ini telah memudahkan para sahabat pilihan hidup sezaman dengan baginda mengikut jejak langkah baginda sebagai penghafal al-Quran dalam jumlah yang ramai.³⁵ Firman Allah SWT :

هُوَ الَّذِي بَعَثَ فِي الْأُمِّيِّينَ رَسُولًا مِّنْهُمْ يَتْلُو عَلَيْهِمْ آيَاتِهِ ۖ وَيُزَكِّيهِمْ
وَيُعَلِّمُهُمُ الْكِتَابَ وَالْحِكْمَةَ وَإِن كَانُوا مِن قَبْلُ لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ ﴿٢﴾

Surah al-Jum'ah (62): 2

Maksudnya:

Dialah yang mengutus kepada bangsa yang buta huruf (ummiyyun), seorang rasul dari mereka yang membacakan kepada mereka ayat-ayatnya dan yang mencerdaskan mereka, serta yang mengajarkan kepada mereka suatu kitab dan hikmah. Padahal sebelum itu, mereka dalam kesesatan (kegelapan) yang nyata.

Justeru itulah setiap kali Rasulullah SAW menerima wahyu beliau akan terus menghafalnya dan kemudian beliau menyampaikannya kepada para sahabat dan diperintahkan mereka untuk menghafal dan mengamalkannya.³⁶ Proses turunnya al-Quran yang berperingkat-peringkat ini sangat membantu dan memudahkan Rasulullah SAW bagi menyampaikan kepada para sahabat kemudian memahami isi kandungannya.³⁷

Menghafal ayat-ayat al-Quran bukanlah menjadi permasalahan yang besar kepada bangsa Arab ketika itu. Allah SWT telah menganugerahkan kepada mereka kekuatan dalam hafalan sehingga mampu mengingat semua perkara seperti syair-

³⁵ Dr. Şubhî al-Şāliḥ (1981), *Mabāḥiṭh fî 'Ulūm al-Qurān*, Beirut: Dār al-'Ulūm lī al-Malayin, h. 65. Lihat juga, Al-Doktor Daud al-'Attār (1979), *Mujaz 'Ulūm al-Qur'ān*, c.2, Beirut: Muassasah al-'Alāmi lī Matbu'āt, h. 152.

³⁶ Ahmad Von Denffer (1998), *Ilmu-ilmu al-Quran Pengenalan Dasar*, Jakarta: Rajawali Press, h. 26.

³⁷ Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op. cit.* H. 22.

syair, salasilah keturunan, peristiwa-peristiwa yang terjadi dalam kehidupan sehari-hari.³⁸ Semua perkara tersebut hanya direkodkan dalam daya ingatan mereka semata-mata, dan ini merupakan antara budaya dan kelaziman yang mereka lakukan.

Nabi SAW juga menganjurkan kepada para sahabat supaya selalu menghafal al-Quran dan membacanya sama ada pada waktu solat mahupun di luar solat.³⁹ Seterusnya mengulang-mengulangnya secara istiqamah sehingga sehati di dada seterusnya menyebar luaskan kepada sahabat-sahabat lain dan tabiien.⁴⁰ Dengan demikian penghafal al-Quran semakin bertambah dan al-Quran dapat dipelihara melalui kaedah ini.

Rasulullah SAW tidak hanya menumpukan usaha pemeliharaan al-Quran melalui hafalan, beliau juga telah mengarahkan beberapa orang sahabat untuk menulis ayat-ayat yang telah dihafal itu pada pelepah kurma, batu-batu, kulit-kulit binatang, potongan-potongan kayu dan sebagainya. Antara sahabat yang beliau pilih sebagai penulis wahyu adalah dari kalangan para sahabat yang terkemuka seperti "Ali Karamallahu wajhah, Mu'āwiyah, Ubāy bin Ka'āb dan Zāyd bin Thabit. Mereka berperanan untuk menulis dan menunjukkan tempat ayat tersebut dalam surah. Dengan demikian tulisan-tulisan tersebut membantu mereka dalam penghafalan al-Quran.⁴¹

³⁸ Syāykh Mūḥammad 'Alī al-Ṣābūnī (t.t), *Al-Tibyān fī 'Ulūm al-Qurān*, Beirut: Dār al-Qalam, h. 68.

³⁹ Ahmad Von Denffer (1998), *op.cit.* h. 27.

⁴⁰ Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op. cit.* h. 23.

⁴¹ Mannā' al-Qattān (t.t), *Mabāhith fī 'Ulūm al-Qurān*, Beirut: Muassasah al-Risālah, h.123.

Rasulullah SAW baginda telah berjaya mendidik beberapa orang sahabat sehingga mereka mampu menghafal al-Quran seperti baginda. Antara sahabat yang terkenal pada zaman itu digambarkan oleh Rasulullah SAW menerusi sabdanya yang berbunyi:

خُذُوا الْقُرْآنَ مِنْ أَرْبَعَةٍ، مِنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ وَسَالِمٍ وَمُعَاذِ وَأَبِي
بْنِ كَعْبٍ

Maksudnya:

*Ambillah al-Quran daripada empat orang iaitu: daripada 'Abdullah bin Mas'ud, Muslim, Mu'az dan 'Ubay bin Ka'ab.*⁴²

Abū 'Ubāyd dalam bukunya *al-Qirā'at* menyatakan bahawa para penghafal pada zaman Nabi terdiri daripada golongan Muhajirin iaitu Khulafa' al-Rasyidin, Ṭalhāh, Sa'ad, Ibn Mas'ud, Huzaifah, Salim, Abu Hurairah, 'Abdullah al-Sa'ib, 'Abdullah bin Zubair, Aisyah, Hafṣah dan Ummu Salamah. Manakala golongan Ansar pula terdiri daripada 'Ubadah bin al-Ṣamit, Mu'az yang digelar Aba Halimah, Majma' bin Jaryah, Abu Fudalah 'Ubāyd dan Maslamah bin Mukhallid.⁴³

Selain itu, para penghafal al-Quran yang terkemuka pada zaman sahabat juga terdiri daripada tujuh orang iaitu 'Uthman, 'Umar, 'Ubāyd, Zayd bin Thabit, Ibn Mas'ud, Abu Darda' dan Abu Musa al-Asy'ari.⁴⁴

⁴² Mūḥammad bin Ismā'īl bin Ibrāhīm Ibn al-Mughirah al-Bukhāri (t.t), *op.cit.*, h. 711.

⁴³ Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī al-Syāfi'ī (1996), *al-Itqān fī 'Ulūm al-Qurān*, Beirut: Dār al-Fikr, j. 1, h. 70.

⁴⁴ Mannā' Qaṭān (t.t), *op.cit.*, h. 119.

2.7 SEJARAH PENGHAFALAN DAN PENGUMPULAN AL-QURAN ZAMAN ABU BAKAR R.A.

Selepas kewafatan Rasulullah SAW, Saidina Abu Bakar r.a telah dilantik sebagai khalifah untuk meneruskan tugas-tugas baginda. Pada masa itu, telah berlaku peperangan antara pengikut yang masih setia kepada Rasulullah SAW dan golongan murtad yang dipimpin oleh Musaylamah al-Kadhdhab. Peperangan ini dikenali sebagai peperangan Yamamah.⁴⁵ Tentera Islam yang mengikuti peperangan ini kebanyakannya terdiri daripada para sahabat dan para penghafal al-Quran. Dalam peperangan tersebut seramai 70 orang penghafal al-Quran yang telah gugur syahid. Sedangkan sebelum itu telah gugur dalam hampir jumlah yang sama zaman Rasulullah SAW dalam satu pertempuran di Bi'r al-Ma'unah dekat kota Madinah.⁴⁶

Keadaan ini telah menimbulkan kekhuatiran terhadap Saidina Umar sekiranya berlaku banyak peperangan dan mengakibatkan ramai lagi dari qari yang terbunuh sehingga boleh menyebabkan al-Quran hilang dan musnah. Justeru itu beliau telah mengajukan perkara ini kepada Saidina Abu Bakar dan mencadang agar al-Quran segera dikumpulkan dan disusun menjadi satu mashaf.

Walaupun pada mulanya Saidina Abu Bakar tidak setuju dan ragu-ragu terhadap cadangan Saidina Umar ra, akhirnya setelah mempertimbangkan kemaslahatan dan mendapat hidayah daripada Allah SWT, Saidina Abu Bakar telah

⁴⁵ Dr. Bakri Syāykh Amin (1979), *Al-Ta'bir fī al-Qurān*, (t.t.p): Dār al-Syurūq, h. 35.

⁴⁶ Syāykh Muḥammad 'Ali al-Ṣābuni (t.t), *op.cit.*, h. 70.

bersetuju melaksanakan cadangan 'Umar itu dan mereka telah melantik Zayd bin Thabit sebagai pengumpul semua tulisan pada tempat-tempat yang berselerak sehinggalah akhirnya beliau berjaya mengumpul dan menyusun al-Quran menjadi lembaran-lembaran yang digunakan sehinggalah ke zaman Saidina Uthman.⁴⁷

2.8 SEJARAH PENGHAFALAN DAN PENGUMPULAN AL-QURAN ZAMAN UTHMAN R.A.

Pada zaman pemerintahan khalifah Uthman, negara Islam semakin meluas dan banyak negeri-negeri lain telah ditakluki. Para sahabat telah dihantar ke negeri-negeri kota taklukan tersebut untuk berdakwah dan juga mengajar mereka membaca al-Quran mengikut cara bacaan masing-masing.⁴⁸

Hal ini menyebabkan wujud ketidakseragaman bacaan di antara penduduk sebuah negeri dengan negeri yang lain. Akibatnya berlaku pergaduhan dan pertelingkahan sesama mereka sehingga hampir ada yang mengkufurkan sesama mereka disebabkan perbezaan bacaan tersebut.⁴⁹

Para penghafal al-Quran daripada tabiin juga merupakan didikan daripada para sahabat di antaranya di Madinah iaitu Ibn al-Musayyab, 'Urwah, Salim, 'Umar bin 'Abd al-Aziz, Sulayman, 'Aṭā', Ammar, Mu'az bin al-Harith, Ibn Syihab al-Zuhri,

⁴⁷ Dr. Bakri Syeikh Amin (1979), *op.cit.*, h. 35.

⁴⁸ Mannā' Qaṭān (t.t), *op.cit.*, h.128.

⁴⁹ Syāykh 'Ali al-Ṣābunī (t.t), *op.cit.*, h. 80.

Muslim bin Jundub, Abdul Rahman bin Hurmuz, Muaz bin Harith dan Zayd bin Aslam dan sebagainya. Manakala di Mekah antaranya seperti 'Abid bin Amir, 'Aṭā' bin Abi Rabah, Ṭāwus, Mujahid, 'Akramah, 'Ubaid bin Umar, dan Ibn Abi Malikah.⁵⁰ Di Basrah huffaznya ialah Amir bin Abdul Qais, Abu al-Alyah, Nasr bin 'Asim, Yahya bin Ya'mar dan lainnya. Penghafal yang bermukim di Kufah iaitu Rubai bin Khaitam, Haris bin Qais, Umar bin Syurahbil, Amar bin Maimun, Abdul Rahman al-Silmi, 'Ubaid Ibn Fadhalah, Abu Mur'ah dan sebagainya.

Pada abad kedua dan ketiga hijrah, Islam mula berkembang ke seluruh dunia, Oleh itu perluasan kuasa telah berlaku yang menyebabkan perselisihan dari segi bacaan di kalangan golongan muslimin. Ini menyebabkan ulama khususnya yang menghafal al-Quran berusaha memelihara kesucian Islam daripada tercemar. Kaedah yang digunakan ialah memiliki sanad yang sohih,⁵¹ bacaannya sesuai dengan khat atau rasm Usmani dan bersesuaian dengan tatabahasa arab.⁵²

2.9 PERKEMBANGAN TAHFIZ AL-QURAN DI MALAYSIA

Penjagaan al-Quran berterusan hingga kini. Perkara yang utama adalah al-Quran ini dipelihara di dada-dada para huffaz yang ikhlas, wara' dan zuhud. Peranan mereka amat penting, jika dilihat dari sejarah, ia telah membuktikan bahawa mereka

⁵⁰Jalāl al-Dīn al-Suyūṭī al-Syāfi'i (1996), *op.cit.*, h.73, Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op.cit.*, h. 34-35.

⁵¹ Iaitu bacaan mestilah diterima dari guru-guru yang jelas , tertib, tidak cacat dan bersambung sampai kepada Rasulullah s.a.w.

⁵² Abu Najihat al-Hafiz, (t.th), *op.cit.*, h. 34-35.

yang menghafal, menghayati sepenuhnya isi kandungan al-Quran mampu berjaya membawa ketamadunan yang unggul.⁵³

Usaha meramaikan lagi generasi al-Quran ini mendapat sambutan di kalangan masyarakat. Dewasa ini, Maahad Tahfiz al-Quran dan kelas-kelas tahfiz sudah terdapat dimana-mana sahaja sama ada di dunia Arab ataupun *A'jam* termasuklah di Malaysia. Malaysia sudah terkenal dengan kesungguhannya mengadakan majlis Tilawah al-Quran peringkat antarabangsa sejak 34 tahun yang lalu iaitu sekitar tahun empat puluhan. Serentak dengan pembukaan Majlis Tilawah ini, Perdana Menteri yang pertama telah mencadangkan agar ditubuhkan kursus menghafal al-Quran. Pada tahun 1966, cadangan Tunku Abdul Rahman itu telah direalisasikan iaitu bertempat di Masjid Negara.⁵⁴ Idea ini juga lahir ekoran daripada lawatan Rektor Universiti al-Azhar, Syeikh Mahmud Syaltut di perasmian Masjid Negara.

Kelas Pengajian al-Quran ini pertama kalinya memulakan kelasnya dengan bilangan pelajar seramai lapan orang. Mereka ini terdiri daripada pelajar-pelajar yang berjaya memenuhi syarat-syarat yang telah ditentukan oleh Tuan Haji Mohd Nor dengan mendapat biasiswa daripada kerajaan negeri masing-masing.⁵⁵

⁵³ Abdul Mutalib Hussain (2002/2003) *Pengajian Tahfiz al-Quran : Satu Kajian di Maahad Tahfiz al-Quran wal Qiraat Pulau Pinang*, Latihan Ilmiah Usuluddin, Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, h. 2

⁵⁴ Ustaz Ismail Masyhuri al-Hafiz, *Fadhilat Membaca dan Menghafal al-Quran serta Panduan Menghafalnya*, Kuala Lumpur: Syarikat Nurulhas, h. 165.

⁵⁵ Maimun binti Ismail, *Maahad Tahfiz wa al-Qiraat, Perkembangan, Peranan Dan Matlamatnya: Tinjauan khusus di Pusat Islam, Kuala Lumpur*, Fakulti Usuluddin, Akademi Islam, Universiti Malaya, sesi 1992/93, h. 18 dan 19.

Kelas Tahfiz itu berkembang dengan pesatnya dari masa kesemasa dan mendapat sambutan yang menggalakkan dari masyarakat Islam. Pada tahun 1986, kelas ini telah ditempatkan di Bangunan Pusat Islam Malaysia yang dilengkapi dengan bilik darjah, bilik pentadbiran dan bilik pensyarah. Para pelajar yang diterima belajar di kelas ini disediakan tempat tinggal dan perbelanjaannya ditanggung oleh kerajaan pusat.

Sehingga tahun 1991, Maahad Tahfiz al-Quran yang ada di pusat Islam telah menghasilkan 117 orang pemegang diploma yang bertaburan di Malaysia dan Thailand. Selain dari itu, beberapa buah kerajaan negeri juga telah menubuhkan Maahad Tahfiz al-Quran di negeri masing-masing. Antaranya ialah:

1. Maahad Tahfiz al-Quran Majlis Agama Johor.-1966
2. Maahad Tahfiz al-Quran negeri Terengganu.-1984
3. Maahad Tahfiz al-Quran negeri Kedah.
4. Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Sultan Idris Syah II, Ipoh, Perak.-1986
5. Maahad Tahfiz al-Quran Negeri Melaka.-1987
6. Maahad Tahfiz al-Quran Yayasan Islam, Kangar, Perlis.-1989
7. Maahad Tahfiz al-Quran Masjid Negeri Selangor-1990.⁵⁶

Sebahagian besar tenaga pengajar dan pengetua di Maahad-maahad Tahfiz di setiap negeri adalah lulusan Maahad Tahfiz al-Quran Pusat Islam, Kuala Lumpur. Selain itu, ada juga kelas-kelas tahfiz al-Quran yang ditubuhkan oleh orang

⁵⁶ Ustaz Ismail Masyhuri al-Hafiz, *op.cit.*, h. 166 dan 167.

perseorangan atau jamaah tertentu kerana terdapat permintaan dari para ibubapa dan masyarakat setempat. Biasanya kelas ini menggunakan sistem pondok.

Perbelanjaan kelas-kelas tahfiz persendirian ini di tanggung oleh ibu bapa, kaum muslimin dan juga dermawan. Ini semua membuktikan bahawa perhatian umat Islam Malaysia terhadap perkembangan tahfiz al-Quran sangat besar.⁵⁷

2.10 KESIMPULAN

Al-Quran menjadi sumber perundangan Islam yang amat berguna untuk dimanfaatkan di dalam kehidupan. Al-Quran sentiasa dipelihara oleh Allah SWT tanpa sebarang penambahan dan penyelewengan, salah satu cara bagi mengekalkan kesuciannya melalui hafalan. Ia menjadi fardu kifayah kepada setiap umat Islam dan banyak kelebihan memabaca, menghafal dan memahami isi kandungannya. Rasulullah merupakan manusia yang pertama menghafal al-Quran seterusnya dipelihara oleh para sahabat, tabiien dan kini dipelihara oleh *hamlatul Quran* atau dikenali di nusantara ini oleh golongan huffaz. Pembinaan Maahad Tahfiz di dunia Islam kini dapat melahirkan lebih ramai golongan ini termasuklah di bumi Malaysia. Perkembangannya amat memberangsangkan samada maahad tahfiz yang dibina oleh kerajaan mahupun swasta.

⁵⁷ *Ibid*, h. 167 -168.